

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai jumlah pesakit positif COVID-19 dan kematian akibat jangkitan COVID-19 di Negeri Sembilan mengikut daerah dan mukim.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan sehingga 29 November 2020, kumulatif kes positif COVID-19 yang dilaporkan di Malaysia adalah sebanyak 64,485 kes. Daripada jumlah tersebut, Negeri Sembilan mencatatkan sebanyak 4,774 kes (7.4% daripada keseluruhan kes di Malaysia). Di Negeri Sembilan, kebanyakan kes dilaporkan dari daerah Seremban dan mukim Ampangan. Perincian jumlah kes mengikut daerah dan mukim Negeri Sembilan adalah Seremban (3,973 kes), Rembau (416 kes), Port Dickson (275 kes), Kuala Pilah (34 kes), Tampin (33 kes), Jempol (27 kes) dan Jelebu (16 kes).

2. Pecahan mengikut mukim bagi daerah Seremban adalah seperti berikut:

- i. Ampangan 1,432 kes;
- ii. Labu 1,133 kes;
- iii. Seremban 600 kes;
- iv. Rantau 358 kes;
- v. Rasah 277 kes;
- vi. Setul 151 kes;

- vii. Lenggeng 22 kes; dan
- viii. Pantai 0 kes.

3. Pecahan mengikut mukim bagi daerah Port Dickson adalah seperti berikut:

- i. Jimah 110 kes;
- ii. Si Rusa 135 kes;
- iii. Port Dickson 19 kes;
- iv. Linggi 7 kes; dan
- v. Pasir Panjang 4 kes.

4. Pecahan mengikut mukim bagi daerah Jempol adalah seperti berikut:

- i. Rompin 8 kes;
- ii. Kuala jempol 6 kes;
- iii. Serting Ilir 6 kes;
- iv. Jelai 5 kes; dan
- v. Serting ulu 2 kes.

5. Pecahan mengikut mukim bagi daerah Tampin adalah seperti berikut:

- i. Tampin Tengah 17 kes;
- ii. Gemas 8 kes;
- iii. Keru 4 kes;
- iv. Gemencheh 3 kes;
- v. Air Kuning 1 kes;
- vi. Repah 0 kes; dan
- vii. Tebong 0 kes.

6. Pecahan mengikut mukim bagi daerah Kuala Pilah adalah seperti berikut:

- i. Terachi 11 kes;
- ii. Ulu Muar 9 kes;

- iii. Pilah 4 kes;
- iv. Ampang Tinggi 4 kes;
- v. Johol 3 kes;
- vi. Juasseh 3 kes;
- vii. Kepis 0 kes;
- viii. Langkap 0 kes;
- ix. Parit Tinggi 0 kes;
- x. Sri Menanti 0 kes; dan
- xi. Ulu Jempol 0 kes.

7. Pecahan mengikut mukim bagi daerah Rembau, adalah seperti berikut:

- i. Pedas 300 kes;
- ii. Batu Hampar 19 kes;
- iii. Pilin 15 kes;
- iv. Kundur 13 kes;
- v. Chembong 11 kes;
- vi. Titian Bintangor 9 kes;
- vii. Chengkau 5 kes;
- viii. Gadong 4 kes;
- ix. Semerbok 3 kes;
- x. Tanjung Keling 3 kes;
- xi. Bongek 2 kes;
- xii. Nerasau 1 kes;
- xiii. Selemak 1 kes;
- xiv. Sepri 0 kes;
- xv. Miku 0 kes;
- xvi. Legung Ulu 0 kes; dan
- xvii. Legung Ilir 0 kes.

8. Pecahan mengikut mukim bagi Jelebu adalah seperti berikut:

- i. Ulu Teriang 7 kes;
- ii. Pertang 4 kes;
- iii. Gelami Lemi 3 kes;
- iv. Peradong 1 kes;

- v. Teriang Hilir 1 kes;
- vi. Hulu Kelawang 0 kes;
- vii. Kenaboi 0 kes; dan
- viii. Kuala Kelawang 0 kes.

9. Kes kematian COVID-19 di Negeri Sembilan adalah sebanyak enam (6) kes. Daripada kumulatif ini, empat (4) kematian dilaporkan di daerah Seremban dan masing-masing satu (1) kematian di daerah Kuala Pllah dan Rembau. Bagi peringkat mukim, mukim Ampangan dan mukim Labu melaporkan dua (2) kematian dan diikuti oleh satu (1) kematian di mukim Juasseh dan mukim Chembong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai jumlah peminjam individu dan IKS yang telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan moratorium dan moratorium bersasar dan nilai pinjaman yang terlibat mengikut setiap negeri.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Menurut laporan unit LAKSANA, nilai yang dianggarkan untuk moratorium menyeluruh selama 6 bulan berjumlah kira-kira RM100 bilion, dengan RM35 bilion kepada PKS dan RM65 bilion kepada peminjam individu. Seramai 7.7 juta peminjam individu dan 243,000 PKS yang telah menikmati kemudahan ini.
2. Bagi moratorium bersasar, setakat ini, sekitar 700,000 permohonan untuk bantuan bayaran balik pinjaman telah diterima dengan kadar kelulusan sebanyak 98%. Daripada permohonan yang diluluskan:
  - a. 40% telah memohon pelanjutan moratorium. Mereka terdiri terutamanya daripada individu yang baru sahaja kehilangan pekerjaan serta perniagaan dalam sektor yang mungkin masih mengalami kekangan operasi yang ketara akibat pandemik; dan

b. 60% telah memilih pengurangan bayaran ansuran bulanan. Mereka terdiri terutamanya daripada peminjam yang pendapatannya telah berkurang.

3. Manakala kes permohonan yang tidak diluluskan adalah kecil sebanyak 2% dan sebab utama permohonan ditolak oleh bank ialah:

- a. Peminjam individu masih mempunyai pekerjaan dengan pendapatan yang stabil, serta isi rumah termasuk pasangan masing-masing yang tidak mengalami pengurangan pendapatan; dan
- b. Peminjam PKS yang memang menghadapi kesukaran kewangan walaupun sebelum penularan wabak COVID-19. Bagi peminjam seperti ini, pelanjutan moratorium bukan satu penyelesaian yang mampan dan bank telah merujuk mereka kepada AKPK untuk mendapatkan bantuan bagi menyelesaikan masalah hutang mereka. AKPK telah menubuhkan “Meja Bantuan Perusahaan Mikro” bagi menawarkan khidmat nasihat kewangan secara percuma dan membantu perusahaan mikro mendapatkan bantuan bayaran balik pinjaman. Terdapat juga sebilangan kes PKS yang sedang melalui prosiding muflis atau pembubaran, atau telah didaftarkan di bawah Program Pengurusan Hutang anjuran AKPK. Bagi peminjam yang berdaftar di bawah Program Pengurusan Hutang oleh AKPK, mereka boleh berhubung dengan AKPK untuk memohon semakan semula bayaran balik pinjaman yang mencerminkan keadaan kewangan semasa mereka.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. Bagi nilai pinjaman yang terlibat mengikut setiap negeri, Bank Negara Malaysia tidak mempunyai data tersebut. Lokasi peminjam individu atau perniagaan tidak menjadi penentu kelayakan bantuan, sebaliknya ini adalah berdasarkan keperluan bantuan itu. Selain itu, peminjam boleh memohon bantuan di mana-mana cawangan bank yang berkaitan dan tidak semestinya di negeri tertentu. Kerajaan sekali lagi ingin memberikan keyakinan bahawa bantuan akan diberikan kepada mereka yang memerlukannya dengan bank terus meluluskan hampir kesemua permohonan bantuan. Peminjam hanya perlu menghubungi bank masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai jumlah peruntukan penyelenggaraan dan pembangunan yang telah disalurkan oleh Kementerian kepada setiap sekolah (SMK, SMJK, SK, SJKC dan SJKT) di daerah Seremban untuk tahun 2018, 2019 dan 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah berstatus sekolah kerajaan di daerah Seremban mengikut kategori dan tahun seperti berikut:

<b>JENIS SEKOLAH / TAHUN</b>	<b>2018 RM</b>	<b>2019 RM</b>	<b>2020 RM</b>
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	234,028.00	430,000.00	245,000.00
Sekolah Kebangsaan (SK)	75,000.00	630,000.00	220,000.00
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	1,335,000.0 0	1,440,000.00	142,658.00
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	2,133,000.0 0	2,650,000.00	895,300.00
Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK)	590,000.00	560,000.00	307,692.31
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>	<b>4,367,028.0 0</b>	<b>5,710,000.00</b>	<b>1,810,650.3 1</b>



**NO. SOALAN : 95**

KPM telah menyalurkan sejumlah RM8.92 juta pada tahun 2018 dan 2019 bagi penyelenggaraan sekolah kategori sekolah bantuan kerajaan (SBK) mengikut jenis sekolah iaitu sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC), sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) dan sekolah mubaligh di bawah daerah Seremban.

Agihan peruntukan bagi setiap sekolah bagi tahun 2018 dan 2019 tersebut adalah seperti berikut:

<b>JENIS SEKOLAH / TAHUN</b>	<b>2018 RM</b>	<b>2019 RM</b>	<b>BILANGAN SEKOLAH</b>
SMJK	590,000	560,000	2 buah
SJKC	1.33juta	1.34juta	20 buah
SJKT	800,000	2.69juta	19 buah
Sekolah Mubaligh	955,000	660,000	5 buah

Sekian.